

## ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN IBADAH SOLAT DI LAPANGAN PENYELIDIKAN

Najihah binti Abdul Mutalib

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

Email: [najihah.mutalib@umt.edu.my](mailto:najihah.mutalib@umt.edu.my)

Nur Diyanah binti Agadirun

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

Email: [p5395@umt.edu.my](mailto:p5395@umt.edu.my)

Abdul Hanis bin Embong

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

Email: [hanis.embong@umt.edu.my](mailto:hanis.embong@umt.edu.my)

Riswadi bin Azmi

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

Email: [riswadi@umt.edu.my](mailto:riswadi@umt.edu.my)

### ABSTRAK

Solat adalah tiang agama dan merupakan ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap individu muslim walau di mana mereka berada. Di peringkat Pengajian Tinggi Malaysia, ramai penyelidik yakni pensyarah muslim yang terlibat dengan penyelidikan di pelbagai lapangan seperti laut, hutan, paya bakau dan seumpamanya. Ketika menjalankan penyelidikan di pelbagai lapangan tersebut, para penyelidik muslim turut bertanggungjawab untuk melaksanakan ibadah wajib iaitu solat. Tinjauan awal mendapati, terdapat para penyelidik yang keliru tentang tatacara pelaksanaan ibadah solat ketika mereka menjalankan penyelidikan di lapangan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh para penyelidik ini dalam melaksanakan ibadah solat ketika mereka berada di lapangan penyelidikan. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual berstruktur terhadap responden yang terlibat dalam penyelidikan di lautan, hutan dan paya bakau untuk memperoleh data. Seterusnya, data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan Atlas.ti untuk mendapatkan dapatan yang tepat. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran dalam kalangan para penyelidik di IPT ketika melaksanakan ibadah solat di lapangan penyelidikan. Kajian mencadangkan agar satu panduan ringkas atau lengkap perlu disediakan supaya para penyelidik muslim dapat melaksanakan ibadah solat selari dengan syaria Islam walau di mana mereka berada.

**Kata Kunci :** *ibadah, solat, fiqh, fiqh lapangan, penyelidikan*

### 1. Pengenalan

Islam merupakan agama dan cara hidup yang menyeluruh atau syumul, di mana semua aturannya telah ditentukan dalam segenap aspek kehidupan manusia yang mencakupi persoalan akidah, ibadah, akhlak, hinggalah kepada urusan kemasyarakatan dan kenegaraan yang merangkumi domain ekonomi, pendidikan, politik dan sosial. Sumber hukum dari al-Quran dan al-Sunnah merupakan pedoman yang terbaik kepada manusia di mana ia merupakan wahyu Allah SWT yang mengandungi penjelasan hukum bagi setiap persoalan dalam kehidupan seharian.

Namun begitu, hukum hakam fiqh kini tidak terlepas dari berlaku perubahan berdasarkan keadaan dan situasi semasa yang juga dijadikan fatwa sebagai panduan kepada masyarakat Islam secara umumnya. Menurut Zulkifli Mohamad (2019), fiqh bererti ilmu yang berkaitan dengan hukum hakam yang bersifat amali, diistinbatkan atau dikeluarkan daripada dalil-dalil yang terperinci dan mempelajari ilmu fiqh terhadap permasalahan asas yang wajib diketahui oleh setiap muslim seperti melakukan solat, puasa, zakat dan haji adalah fardhu ain iaitu wajib. Dalam menganalisis sesuatu

hukum fiqh dalam konteks terkini, faktor perubahan sosial perlu diambil kira bagi agar sesuatu hukum menepati syariat dan bersifat anjal dapat diaplikasikan dalam masyarakat berasaskan piawai metodologi ijtihad yang dianjurkan oleh sarjana Islam kontemporari (Yusri Mohamad, 2016). Tambahan pula masyarakat kini didedahkan dengan pelbagai permasalahan ibadat baru yang melibatkan teknologi moden dan memerlukan kepada jawapan tuntas agar dapat keluar daripada kepompong kejahilan mahupun kekeliruan.

Amalan ibadah merupakan tuntutan yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim walau di mana juga dia berada dan walau bagaimanapun keadaannya. Amalan ibadah yang paling dekat dan wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam dalam apa keadaan sekalipun adalah ibadah solat. Ibadah solat ini mengandungi prosedur khas yang terdiri daripada syarat-syarat dan rukun-rukun yang mesti dipatuhi. Walaubagaimanapun dalam keadaan tertentu ibadah ini diberikan rukhsah, iaitu keringanan bergantung kepada situasi individu dan keadaan sekeliling. Dalam erti kata lain, dalam konteks tertentu, berlaku perubahan terhadap hukum hakam fiqh berkaitan solat serta perkara-perkara yang ada hubungan dengannya.

Dalam hal ini, tinjauan awal dalam kalangan penyelidik yang menjalankan penyelidikan di lapangan mendapati bahawa terdapat pelbagai permasalahan yang timbul berkaitan hukum hakam fiqh sepanjang mereka berada di lapangan untuk menjalankan penyelidikan (Minit Mesyuarat Pasukan Penyelidik Pembinaan Garis Panduan Ibadah di Lapangan, Okt. 2020). Antara lapangan-lapangan yang terlibat adalah lapangan hutan, laut, paya bakau, pulau, tasik dan seumpamanya. Permasalahan fiqh yang sering timbul adalah berkaitan solat dari segi penunaian solat itu sendiri contohnya dalam keadaan pakaian yang basah, ketika berada dalam air, pakaian berlumpur dalam paya bakau, penentuan arah kiblat, berwuduk dalam keadaan kekurangan air di hutan dan hukum hakam lain yang berkaitan.

Dalam keadaan tuntutan tugas penyelidikan yang perlu diselesaikan, perkara-pekerja sebegini amat membelenggu para penyelidik muslim memandangkan tiada satu garis panduan khusus yang boleh dijadikan panduan dan rujukan berkaitan hukum hakam fiqh ketika mereka berada di lapangan penyelidikan. Tambahan pula, pelbagai kefahaman mahupun amalan yang dilaksanakan oleh individu muslim yang kadangkala hanyalah ikutan semata-mata tanpa mengetahui sama ada amalan ibadatnya adalah sah atau pun tidak.

Disebabkan tiada satu garis panduan tentang Fiqh Ibadah di Lapangan, maka para penyelidik melaksanakan ibadah ketika berada di lapangan hanya berpandukan kepada pemahaman masing-masing. Situasi ini juga telah menimbulkan pelbagai persoalan dan keraguan dalam kalangan mereka yang terlibat. Oleh yang demikian, satu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti isu dan cabaran pelaksanaan ibadah solat di lapangan serta mencari solusi kepada permasalahan yang berlaku agar dapat memberi kemudahan kepada para penyelidik menunaikan tuntutan agama disamping menyelesaikan tanggungjawab penyelidikan mereka.

## 2. Kajian Literatur

Kajian literatur terhadap kajian ini akan dibincangkan berdasarkan beberapa aspek berikut dalam mengkaji kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu. Pertama, aspek mengenai kajian fiqh semasa di Malaysia. Kedua, aspek mengenai kajian fiqh ibadah solat dan yang berkaitan dengannya. Ketiga, aspek berkaitan penyelidikan di pelbagai lapangan.

## 2.1 Kajian Berkaitan Fiqh Semasa

Saadan Man (t.t) menyatakan bahawa terminologi fiqh semasa atau al-fiqh al-mu`asir atau al-fiqh al-waqi`i merujuk kepada kefahaman hukum Islam dalam konteks semasa khususnya hukum-hakam terhadap isu-isu baharu yang memerlukan ijihad baharu dan tidak pernah disebut dalam mana-mana 5 sumber syarak atau ijihad silam fuqaha. Al-Qaradawi mentakrifkan fiqh *al-waqi`i* sebagai memahami realiti dengan sebaiknya dan bukan mengetahuinya dengan sekadar bayangan semata-mata kerana ianya merupakan satu kepalsuan dan penyesatan bagi orang lain (al-Qaradawi, 2008). Justeru, boleh dirumuskan bahawa fiqh semasa merujuk kepada fiqh yang berdasarkan realiti berpaksikan kepada pertimbangan antara masalah dan mudarat, dan ia bukan sesuatu yang berbentuk tanggapan fantasi atau sangkaan (*iftiradi*). Lantaran itu, seorang faqih atau sarjana fiqh dalam sesuatu ijihadnya terhadap sesuatu isu hendaklah memahami dan hidup bersama realiti yang ada dan memfokuskan perbincangan ijihadnya kepada pertimbangan antara masalah dan mudarat, berpandukan nas nas syarak lalu meletakkannya bersesuaian dengan realiti yang ada.

Menurut Rahimin Affandi (2010) dan Kamaruddin (2012) pula, konsep fiqh semasa telah mula difahami oleh masyarakat Malaysia khususnya. Namun, masih ada golongan yang meragui bahawa fiqh di abad pertengahan boleh memenuhi kehendak zaman moden yang serba canggih dengan sains dan teknologi (Kamarudin, 2012; Sholihur, 2011). Golongan moden ini percaya kepada kehebatan akal dan menolak pandangan yang tidak melepas ujian akal (Kamaruddin, 2012: 32), nilai-nilai Islam seperti dosa pahala, halal, haram, berkat, tidak dapat diukur secara saintifik namun ianya penting bagi memacu spiritual jasad. Mereka melihat perkara ini adalah tidak boleh dilaksanakan secara empirikal lebih-lebih lagi apabila garis panduan jelas berkaitan dilakukan terhadapnya.

## 2.2 Kajian Berkaitan Fiqh Solat

Solat merupakan satu ibadat yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim walau dalam apa keadaan dan situasi sekalipun. Ibadat solat juga merupakan ibadah asas dan merupakan tiang agama dalam Islam. Daripada Ibn Umar RA, beliau berkata bahawa telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW lalu bertanya apakah perkara yang paling disukai oleh Allah SWT di dalam Islam? Nabi SAW bersabda:

*Maksudnya: "Solat pada waktunya, barangsiapa yang meninggalkan solat maka tiadalah agama baginya dan solat itu merupakan tiang agama". [Riwayat al-Baihaqi (2550) di dalam al-Syu'ab]*

Abdul Halim Mahmud (1981) menyatakan sembahyang dalam kaca mata Islam ialah tiang agama, sesiapa yang mendirikan sama seperti mendirikan agama, dan sesiapa yang meninggalkannya sama seperti merobohkan agama. Perumpamaan sembahyang dalam hidup seseorang muslim laksana sungai yang airnya melimpah ruah mengalir hingga ke pintu rumah dan seseorang boleh mandi menggunakan air tersebut lima kali sehari.

Menurut Mustafa Masyhur (1987), kedudukan sembahyang di dalam agama Islam adalah seumpama kepada tubuh manusia. Ia adalah tiang pengukuh, rukun dan syiar atau lambang kepada agama Islam. Ia juga adalah pembeza di antara orang beriman dengan orang yang tidak beriman, sebagai Penjaga dan Pemelihara Iman, sebagai tali hubungan di antara hamba dengan Penciptanya, sebagai penyejuk mata dan penenang jiwa. Islam memberi keringanan atau rukhsah kepada penganutnya termasuk dalam aspek solat terutamanya ketika berada dalam situasi tertentu seperti solat ketika sakit, solat ketika musafir, solat ketika di lapangan dan beberapa situasi lain yang secara spesifiknya tidak dinyatakan dalam sumber agama.

Sumayyah et.al (2012) dalam satu kajian berkaitan kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan solat dalam kalangan bakal guru mendapati tahap pelaksanaan solat adalah tinggi, sebaliknya tahap kefahaman tentang solat dan penghayatan dalam ibadat solat adalah pada tahap sederhana dan rendah. Ini menunjukkan bahawa tidak wujudkan hubungan hati dengan Allah dan tuntutan solat yang kusyuk tidak berlaku. Kajian ini menekankan bahawa pentingnya bakal guru memahami dengan jelas tentang ibadat solat mereka.

Dalam satu kajian berkaitan pemahaman dan amalan solat musafir dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti di Kota Kinabalu, Sabah mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang solat musafir adalah tinggi sebaliknya tahap pelaksanaannya adalah rendah. Hal ini menunjukkan bahawa para pensyarah dan pihak yang terbabit perlu melakukan satu usaha yang lebih gigih bagi memastikan pelaksanaan ibadat solat ketika musafir dalam kalangan pelajar berada pada tahap memuaskan (Zaliha & Mohamad Yusof, 2013).

Sharifah dan Ahmad Munawar (2017) telah menjalankan kajian tentang rukhsah dalam solat tetapi ia mengkhususkan kepada pesakit dan perawat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati bahawa kakitangan hospital (perawat) amat membantu para pesakit untuk menunaikan ibadah solat ketika sakit mengikut rukhsah yang telah dibenarkan dalam Islam mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Hasna Bidin et.al (2020) yang menjalankan kajian terhadap amalan solat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Gelang Patah dan bandar Penawar mendapati bahawa para pelajar secara umum mengetahui dan faham akan perintah kewajipan solat namun mereka masih belum ada kesedaran untuk melaksanakan ibadah ini dan tidak mampu menghayati peranan seorang hamba kepada Penciptanya. Seringkali kita dapat melihat seseorang individu menguasai sesuatu ilmu dan boleh dikatakan arif namun tidak mampu melaksanakan ilmu tersebut. Banyak faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku termasuk kekangan dan halangan samada dari segi fizikal atau sosiobudaya yang mempengaruhi individu tersebut.

### **2.3 Kajian Berkaitan Penyelidikan di Lapangan**

Kajian lepas tentang hukum Islam di lautan, kajian telah dijalankan oleh Hassan S. Khalilieh (1998) secara komprehensif berkaitan hukum Islam dalam maritime. Kajian tersebut secara mengemukakan undang-undang Islam yang perlu dipraktikkan dalam bidang maritim kini, termasuklah pemilikan kapal, keadaan anak-anak kapal, kontrak Islam di lautan, perniagaan di lautan serta tradisi keagamaan di lautan. Meskipun begitu, ibadat yang dibincangkan tidaklah meluas dan yang mendominasi kajian adalah undang-undang Islam di lautan dan perkapalan.

Manakala kajian oleh Moh. Mufid (2017) & (2018) membincangkan fiqh konservasi laut iaitu hukum tangkap ikan yang dirumuskan kaedahnya bagi nelayan dalam penangkapan ikan secara betul lingkungan dan sesuai dengan nilai-nilai Islam. Begitu juga kajian Ahmad Yusam Thobroni (2008) tentang fiqh kelautan iaitu etika pengelolaan laut bagi penguasa muslim. Berlainan dengan kajian al-Sumaiti (2004) yang cuba melihat pengaplikasian undang Islam ke dalam undang-undang laut di eropah dalam pelbagai aspek, namun ia hanyalah sekadar teori.

Kajian berkaitan orang-orang Islam di lautan telah dijalankan oleh Dayangku Intan Awang Lawi (1991), beliau membincangkan tentang aspek pelaksanaan solat lima waktu oleh penduduk Pekan Kecil Meludam, Sri Aman di Sarawak dan mendapati sebahagian besar penduduk di kawasan tersebut terutama orang dewasa yang bekerja sebagai nelayan meninggalkan solat fardu dengan

alasan tidak tahu cara solat yang betul di atas kapal. Manakala kajian Dzuhailmi Dahalan, Turiman Suandi, Mohamad Rezal Hamzah et. al (2012) pula mengkaji komuniti nelayan muslim dalam beragama seramai 234 orang di Selangor, hasil kajian mendapati kebanyakan mereka mendirikan tuntutan agama seperti solat, puasa, haji dan lain-lain namun masih lagi mengekalkan tradisi menggunakan bomoh atau pawang untuk keselamatan di laut, mereka menggunakan azimat ketika berada di lautan. Perkara ini merupakan satu dosa besar kerana menyekutukan Allah SWT dalam akidah, namun kerana kejahilan perkara tersebut tetap dilakukan.

Kajian oleh Hassan Maoloud Shebani, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim dan Mohammad Zaini Yahya (2016) pula memfokuskan kepada orang-orang yang beribadat dalam keadaan yang genting seperti di atas kapal besar dan kapal selam yang sukar untuk beribadat. Hasilnya, setiap mukallaf dalam keadaan tersebut perlu solat walaupun dalam keadaan yang terpaksa. Kajian berkaitan dengan ibadat di lautan telah dilakukan oleh empat pengkaji iaitu Al-Syamrani (1999), Athiyyah Saqar (2010), Sawash Yusuf (2012) dan Al-Samarrai (2019). Keempat-empat pengkaji ini memfokuskan kajian terhadap ibadat-ibadat wajib yang perlu ditunaikan di atas kapal di lautan. Kajian oleh Athiyyah Saqar (2010) dan Sawash Yusuf (2012) merupakan *mausu'ah* (ensiklopedia) fiqh dalam beribadat khusus dalam mazhab Syafi'i dan mazhab Hanafi. Kedua-dua kajian turut membincang satu sub-topik berkaitan ibadat di lautan, manakala sebahagian besar perbincangan adalah berkaitan hukum-hukum yang lain. Manakala kajian Al-Syamrani (1999) dan Al-Samarrai (2019) adalah khusus tentang pengibadatan di lautan.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian lepas menunjukkan belum ada satu panduan khusus berkaitan fiqh ibadat di lapangan terutamanya sebagai panduan kepada para penyelidik di universiti yang menjalankan penyelidikan di lapangan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah amat perlu untuk dilaksanakan supaya tanggungjawab kerohanian sebagai penyelidik muslim dapat dilaksanakan sebaiknya.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temubual dan kaedah pemerhatian. Menurut Othman Lebar (2017), kaedah temubual bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tidak boleh diperolehi melalui pemerhatian secara langsung. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden dalam sesuatu bidang. Dalam kajian ini, temubual dijalankan terhadap responden yang terdiri daripada para penyelidik dan pelajar siswazah yang terlibat dengan penyelidikan di lapangan seperti lautan, hutan dan paya bakau.

Responden yang terlibat dalam temubual adalah seramai 20 orang iaitu 12 orang responden dari Universiti Malaysia Terengganu, 5 orang dari Universiti Putra Malaysia dan 3 orang dari Universiti Sains Malaysia. Daripada 20 orang tersebut, masing-masing 8 orang terlibat dengan lapangan lautan dan hutan, manakala baki seramai 4 orang terlibat dengan lapangan paya bakau.

Kajian ini turut menggunakan kaedah pemerhatian bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Menurut Kamarul Azmi (2018), kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (*direct observation*) dan pemerhatian melalui penglibatan (*participant-observation*). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian melalui penglibatan iaitu para penyelidik yang terlibat melakukan pemerhatian sewaktu berada di lapangan yang terpilih iaitu berada dalam bot sewaktu ekspedisi ke Pulau Redang, belayar menaiki Kapal RV Discovery milik UMT dan juga melakukan tinjauan di lapangan Hutan Bukit Kor bersama-sama para penyelidik UMT yang terlibat.



Setelah data temubual dan pemerhatian diperolehi, data-data tersebut dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 23. Terdapat pelbagai fungsi dalam ATLAS.ti yang memudahkan untuk menganalisis penyelidikan kualitatif, antaranya ialah dapat mengkategorikan data, membentuk kod atau tema, dan membantu menganalisis data secara tersusun dan bersistematik. Dalam kajian ini, data dianalisis mengikut tema tertentu berkaitan isu dan cabaran pelaksanaan ibadah solat di lapangan penyelidikan.

#### 4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil analisa data temubual bersama responden telah dibahagikan kepada dua lapangan iaitu lapangan lautan dan lapangan hutan / paya bakau. Data yang diperolehi adalah sebagaimana Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

**Jadual 1: Kekerapan Isu dan Cabaran Pelaksanaan Ibadah Solat di Lapangan Lautan**

Bil	Isu	Kekerapan
1.	Isu berkaitan bab bersuci	8
2.	Isu berkaitan tatacara solat	18
3.	Isu berkaitan jama' solat	5
4.	Isu berkaitan keadaan darurat / rukhsah	6
5.	Isu berkaitan pakaian solat	11
6.	Isu berkaitan wudhu'	7
7.	Isu berkaitan solat Jumaat	2

Berdasarkan Jadual 1 di atas, isu dan cabaran yang paling banyak atau paling kerap dihadapi oleh para responden adalah berkaitan tatacara atau pelaksanaan solat sewaktu berada di lapangan lautan sama ada ketika di atas bot, kapal atau ketika berada di pulau. Antara isunya, responden berhadapan dengan cabaran untuk menunaikan solat ketika berada di atas bot yang kecil atau sempit dan dalam keadaan berhimpit antara berlainan jantina. Selain daripada itu, responden juga sering berhadapan dengan isu berkaitan penentuan arah kiblat apabila kapal sentiasa bergerak. Responden turut memberi respon tentang masalah untuk menunaikan solat apabila laut bergelora atau ketika cuaca buruk.

Isu kedua yang sering dihadapi oleh responden adalah berkaitan pakaian solat ketika berada di lapangan lautan. Kebanyakan isu pakaian adalah dari segi kebersihan pakaian tersebut ketika mereka berada di lautan, adakah ianya boleh terus dibawa untuk bersolat. Selain itu, isu pakaian juga berkait dengan pakaian yang basah serta pakaian yang ketat untuk dibawa solat.

Seterusnya isu berkaitan bab bersuci, responden kerap menghadapi persoalan tentang sah atau tidak penggunaan air laut untuk bersuci atau berwudhu'. Selain itu, isu berkaitan muntah akibat daripada mabuk laut, adakah ia dianggap najis dan jika pakaian terkena muntah, bolehkan ia dipakai untuk solat. Isu berkaitan wudhu' pula, responden sering berhadapan dengan masalah tentang tatacara berwudhu' yang betul apabila berada dalam air. Selain daripada itu, ada kalangan responden yang turut menghadapi masalah untuk kekal berwudhu' apabila berada dalam keadaan sempit dan berlainan jantina yang memungkinkan mereka bersentuhan antara lelaki dan perempuan.

## Jadual 2: Kekerapan Isu dan Cabaran Pelaksanaan Ibadah Solat di Lapangan Hutan/Paya Bakau

Bil	Isu	Kekerapan
1.	Isu berkaitan bab bersuci/istinja/tayammum	5
2.	Isu berkaitan tatacara solat	7
3.	Isu berkaitan qiblat	1
4.	Isu berkaitan solat jama'	5
5.	Isu berkaitan pakaian solat	14
6.	Isu berkaitan wudhu'	7

Jadual 2 di atas menunjukkan isu dan cabaran yang sering dihadapi oleh para penyelidik apabila mereka menjalankan kajian di lapangan hutan dan paya bakau. Isu yang paling banyak dihadapi oleh mereka adalah berkaitan dengan pakaian untuk solat dengan kekerapan jawapan responden sebanyak 14. Isu pakaian solat ini banyak menyentuh tentang kebersihan pakaian terutamanya apabila berada di hutan, sering digigit nyamuk atau serangga yang menyebabkan pakaian terkena darah. Selain itu, apabila berada di hutan paya bakau, pakaian terkena lumpur dan seumpamanya. Keadaan ini menyebabkan mereka merasa was-was sama ada pakaian mereka bersih atau tidak untuk dipakai ketika solat.

Selain itu, responden turut berhadapan dengan masalah apabila pakaian basah dan kelihatan ketat apabila terkena air hujan. Dalam bab pakaian ini juga, ada responden yang berhadapan dengan isu pakaian terkena najis seperti terkena lumpur daripada kolam babi atau najis-najis lain. Hal ini akan menjadi isu apabila kekurangan air pada waktu itu.

Isu lain adalah berkaitan dengan wudhu', responden berhadapan dengan masalah apabila berada jauh dari punca air bersih untuk berwudhu dan kadangkala berlaku kekurangan air untuk berwudhu'. Masalah berkaitan wudhu' juga timbul tentang tatacara berwudhu' bagi individu yang memakai kasut boot yang susah untuk ditanggalkan dan dipakai semula.

### 5. Kesimpulan

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, semua responden yang terlibat dengan penyelidikan di kedua-dua lapangan ini mengakui bahawa tiada satu garis panduan khusus sama ada dalam bentuk *flyers*, *pamphlet* atau *booklet* yang boleh mereka jadikan panduan atau rujukan segera apabila mereka berhadapan dengan isu dan permasalahan berkaitan pelaksanaan ibadat solat ketika mereka berada di lapangan. Permasalahan ini menjadi semakin berat jika sekiranya para penyelidik ini membawa para pelajar ke lapangan untuk menjalankan kajian dan berhadapan pelbagai persoalan daripada para pelajar berkaitan ibadat solat dan hukum hakam fiqh yang lain.

Disebabkan tiada garis panduan khusus, para penyelidik ini kadangkala terpaksa mencari sumber maklumat daripada internet atau berdasarkan pengalaman dan sedikit ilmu yang ada pada mereka. Oleh yang demikian, majoriti responden yang ditemubual bersetuju sekiranya diwujudkan satu garis panduan tentang isu-isu dan permasalahan ibadat solat di lapangan sebagai panduan kepada mereka ketika menjalankan tanggungjawab penyelidikan dan pengajaran di lapangan-lapangan tersebut.

## 6. Penghargaan

Penulis mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), melalui nombor projek FRGS/1/2022/SSI13/UMT/02/1 (59695), disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia and Universiti Malaysia Terengganu dan juga sokongan yang diberikan oleh Research Interest Group (RIG) 7 - Agama, Bahasa dan Warisan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.

## 7. Rujukan

- Al-Qaradawiy, Yusuf . (1999). *Tamadun Islam dan alternatif masa hadapan* (Juanda Haji Jaya, Terj.). Selangor: Angkatan Edaran Enterprise.
- Al-Samarrai, Firas Khaled Hussein Ahmed. (2019). *The provisions of worship in the sea*, Journal of The Iraqi University, Vol. 44, N o. 2, (201-216).
- Al-Sumaiti, Jamal. (2004). *The Contributions of Islamic Law to The Maritime Law*. (Tesis Phd, University of Wales, Lampeter).
- Al-Syamrani, Muhammad Abdullah Yasin al-Hawali. (1999). فاعسا لها رصعلا ماكحأ رحبلا، ماكحأ. Egypt: Dar al-Watan Li al-Nasyr.
- Dzuhailmi Dahalan, and Turiman Suandi, and Mohamad Rezal Hamzah, and Jamilah Othman, and Jegak Uli, and Nobaya Ahmad, and Nor Azliza Wanis Abdullah, (2012) *Komuniti nelayan muslim: Analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama* (Muslim fishermen community: The analysis of importance from Islamic lifestyle perspective). Geografia : Malaysian Journal of Society and Space, 8 (3). pp. 43-51. ISSN 2180-2491
- Dayangku Intan. (1991). “Pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu: Satu Tinjauan di Pekan Kecil Meludam, Sri Aman, Sarawak” (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1991).
- Hasna & Mohd Nazari. (2020). *Kajian Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardhu dalam kalangan Pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah*. E-Journal of Islamic Thought and Understanding. Vol 2 (2020).
- Hassan Maoloud Shebani, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim dan Mohammad Zaini Yahya. (2016). *The Rules of Worships in Weather Conditions: A Jurisprudential Study on the Impact of Weather Conditions upon Acts of Worships*. International Journal of Islamic Thought. 10(1):78-88
- Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Metode Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif untuk Pengajian Islam dan Pendidikan Islam*. Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif. Siri 5. 25 dan 26 September 2021, bertempat Dewan Maya di <https://utm.webex.com/meet/qamar> anjuran Pusat Pengurusan Siswazah Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- Minit Mesyuarat Pasukan Penyelidik Pembinaan Garis Panduan Ibadat di Lapangan, Pusat Islam UMT, 28 Oktober 2020.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal (2010). *Konsep Fiqah Malaysia Dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan*. Kajian Malaysia, 28(2), 2010
- Saadan Man (t.t). *Fiqh Semasa: Konsep Dan Aplikasinya*. [https://www.jais.gov.my/userfiles/user/Artikel/ARTIKEL\\_FIQH\\_SEMASA.pdf](https://www.jais.gov.my/userfiles/user/Artikel/ARTIKEL_FIQH_SEMASA.pdf)
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearson Press.



- Sharifah & Ahmad. (2017). *Rukhsah Ibadah, Etika Perawatan dan Prasarana Hospital: Peranan Hospital Beridentiti Islam dalam Pembentukan Hospital Mesra Ibadah*. Jurnal Pengajian Islam. Bilangan 10, Isu 1, Halaman 92-103.
- Yaziq Haji Maaarof & Mohamad Kamil Abdul Majid. (2015). *Panduan Fiqh Ibadat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Yusri Mohamad. (2016). *Contemporary Ijtihad: An Analysis of Individual and Collective Approach*. Selangor: Islamic and Strategic Studies Institute.
- Zulkifli Mohamad. (2019). *Fiqh al-Manhaji*. Selangor: Darul Syakir.

Laman Web:

1. Laman Web Jabatan Mufti Wilayah: <https://muftiwp.gov.my>
2. Laman Web Jabatan Mufti Perlis: <https://muftiperlis.gov.my/>
3. Laman Web Jabatan Mufti Terengganu: <http://mufti.terengganu.gov.my/>